




UPSI lantik pemilik Lewre's Bespoke sebagai Profesor Adjung

Tanjong Malim, 14 Disember - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK), mengumumkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Lewre's Bespoke, Datuk Lewre Lew Fong Voon sebagai Profesor Adjung di fakulti itu bagi tempoh dua tahun bermula November 2024 hingga Oktober 2026.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata dengan pelantikan berkenaan, UPSI terus komited untuk mengukuhkan hubungan dengan industri, selaras dengan aspirasi untuk menjadi pusat kecemerlangan akademik dan inovasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Beliau berkata pelantikan itu adalah sebahagian daripada usaha UPSI untuk merapatkan jurang antara akademik dan industri, dengan menampilkan tokoh profesional yang diiktiraf dalam bidang penjenamaan dan keusahawanan.

Datuk Lewre, dikenali di peringkat antarabangsa melalui jenama mewah Lewre's Bespoke yang menerima surat lantikan disampaikan oeh Timbalan Naib Canselor(Akademik dan

Antarabangsa), Prof Dr Abdul Rahim Razalli pada 13 November lalu akan membawa kepakaran dan pengalaman industri yang luas kepada UPSI.

Menurut Dekan FSKIK, Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Zaffwan Idris pelantikan itu dijangka memberi impak besar kepada pembangunan akademik dan profesional fakulti. "Kehadiran Datuk Lewre sebagai Profesor Adjung bukan sahaja akan meningkatkan keterlihatan UPSI di peringkat global, tetapi juga memperkukuhkan perkongsian ilmu antara universiti dan industri, sekali gus memperkasakan pelajar dan pensyarah dalam bidang kreatif dan keusahawanan," katanya. Pelbagai program dirancang sepanjang tempoh pelantikan, termasuk ceramah berkaitan penjenamaan, sesi bimbingan kerjaya, program latihan amali bersama pelajar, serta kolaborasi antara universiti dan industri melalui geran penyelidikan.

Antara aktiviti utama adalah program sangkutan pensyarah di Lewre's Bespoke dan program internship pelajar, yang bertujuan untuk menyediakan pengalaman dunia sebenar kepada pelajar UPSI. Datuk Lewre menyatakan keterujaannya dengan pelantikan itu, malah amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan UPSI untuk berkongsi ilmu dan pengalaman saya. "Saya percaya integrasi antara akademik dan industri adalah kunci utama dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran masa depan," katanya.



UPSI, UKM Meterai MoU Bersama INTAN Perkukuh Pendidikan Tinggi Melalui APEL



BIMB Taja RM 207,600 Laksana Program Pelita Budiman UPSI

Tanjong Malim, 22 Disember - Bank Islam Malaysia Berhad [BIMB] bersetuju menaja kohort kedua Program Pelita Budiman, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), mencipta peluang pekerjaan tetapi turut menyumbang kepada ekonomi negara secara langsung. "Sehingga kini, lebih 150,000 mahasiswa terbahit dalam aktiviti keusahawanan di kampus, manakala lebih 10,000 graduan IPT memilih untuk membanggakan," katanya. Majlis penyerahan sumbangan berjumlah RM 207,600 itu

diadakan sempena Majlis Jalinan Kasih Sodaqa House Bank Islam di Menara Bank Islam hari ini yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad, Datuk Mohd Muazzam Mohamed kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof Dr. Abdul Rahim bin Razalli yang mewakili UPSI.

Menurut Prof. Abdul Rahim program dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia (JPM) itu membabitkan pelajar

yang sedang menjalani hukuman di Penjara di Kluang.

Beliau berkata Diploma Keusahawanan atau "Pelita Suluh Budiman" mendapat Akreditasi Penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bermula 7 April 2015 dan bermula apabila Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dengan kerjasama Sekolah Integriti Kluang, Johor dan JPM menzahirkan hasrat untuk menawarkan program peluang kedua kepada prospek yang berpotensi dalam bidang akademik.

UTC 2.0 Galak Keusahawanan Mahasiswa, Perkasa Komuniti

Tanjong Malim, 22 Disember - Program 'University to Community (UTC) 2.0' berpotensi sebagai pemangkin kepada usaha kerajaan memperkasakan agenda keusahawanan dalam kalangan mahasiswa, selain menyokong pembangunan sosioekonomi komuniti setempat. Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud berkata, program itu membuktikan kolaborasi berimpak

tinggi antara kerajaan, institusi pengajian tinggi (IPT), industri, dan komuniti setempat, seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT) 2021-2025.

"Keusahawanan adalah satu daripada teras penting dalam pembangunan IPT, dan melalui program seperti UTC 2.0, diyakini dapat melahirkan lebih ramai graduan yang bukan sahaja bersedia untuk

mencipta peluang pekerjaan tetapi turut menyumbang kepada ekonomi negara secara langsung. "Sehingga kini, lebih 150,000 mahasiswa terbahit dalam aktiviti keusahawanan di kampus, manakala lebih 10,000 graduan IPT memilih untuk menjadi pencipta pekerjaan ('job creator') selepas tamat pengajian. Ini satu pencapaian yang amat membanggakan," katanya.



INOVASI 24

INTERNATIONAL BUSINESS INNOVATION & IDEAS COMPETITION



Penyelidik UPSI Cipta Permainan Matematik (O-Tamto) Bantu Murid Tahap 1

Kuala Nerus - Permainan O-TAMTO berjaya memperoleh Anugerah Emas di Pertandingan Inovasi dan Idea Perniagaan Antarabangsa 2024 (INOVASI24) yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu pada 12 Disember 2024. Produk inovasi ini turut menerima Anugerah Khas kerana tergolong dalam senarai 10 produk inovasi terbaik daripada 142 penyertaan dalam kalangan penyelidik di dalam dan di luar negara. Projek ini diketuai Dr. Zamzana

Zamzamin dan dibantu Dr. Fainida Rahmat, Puan Najat Aisyah Ab Wahid, Cik Arissa Syaralia Ariff Murzali dan Nur Adlina Aimi Zamri.

Produk O-TAMTO adalah hasil penyelidikan daripada Geran Penyelidikan Universiti berteraskan Pendidikan yang boleh membantu pelajar Tahun 1, Tahap 2, Tahap 3, guru dan orang awam mengukuhkan pemahaman mereka mengenai operasi tambah dan tolak di bawah topik Operasi Asas dalam subjek Matematik Tahap 1. Produk berasaskan

permainan ini dapat merangsang murid untuk lebih aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyenangkan. Produk juga sangat fleksibel untuk dimainkan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

O-TAMTO telah mendapat perlindungan hak cipta CRLY2024W02206, sedia sebagai prototaip pada TRL 6 dan telah dikomersilkan.



Kunjungan hormat delegasi Kedutaan Libya



Majlis Pelancaran Rekaria Meta-Makerspace



Program CSR Audit Prihatin X KUO ECO Rescuers



Bicara Integriti bersama Imam Muda Asyraf "Membangun Bangsa Tanpa Rasuah"



Majlis Makan Beradat Anggota Tauliah KOR SISPA



Jaulah Muhibbah: Jalinan Kasih Pererat Hubungan Universiti dan Komuniti